

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : YB TUAN KHOO POAY TIONG [KOTA MELAKA]

SOALAN

Minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan projek-projek pembangunan sektor pelancongan untuk Melaka di bawah Rancangan Malaysia Kesepuluh dan Kesebelas termasuk mengenai nama projek; lokasi; jumlah perbelanjaan; status pelaksanaan; dan apakah projek-projek yang sedang dirancang untuk Melaka di bawah Rancangan Malaysia ke-12.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, di bawah Rancangan Malaysia Kesepuluh, Kementerian telah memperuntukan sebanyak RM119.2 juta bagi membiayai 28 buah projek yang berteraskan pelancongan dan kebudayaan di negeri Melaka.

Keseluruhan projek di bawah peruntukan Rancangan Malaysia Kesepuluh tersebut juga telah pun siap dan diserahkan kepada agensi-agensi di bawah Kerajaan Negeri Melaka / Pihak Berkuasa Tempatan berkaitan untuk tujuan pengoperasian serta penyelenggaraan. Antara projek yang telah dilaksanakan di bawah peruntukan tersebut adalah Projek Pembangunan Landskap dan Kemudahan Pelancongan Taman Botanikal (Fasa 2) (RM30 juta) di Ayer Keroh; Projek Pembangunan Perkampungan Hang Tuah dan Persisiran Sungai Duyong (RM35 juta) di Duyong; Projek Pembinaan Monorel di Persisiran Sungai Melaka (Fasa 2)

NO. SOALAN : 47

(RM13.2 juta) di Bandaraya Melaka; dan Projek Naiktaraf Muzium Seni Bina Malaysia Melaka (RM980 ribu) di Bandar Hilir. (Senarai penuh projek adalah seperti di **Lampiran A**)

Kementerian turut memperuntukan sebanyak RM10.01 juta di bawah Rancangan Malaysia Kesebelas bagi membiayai dua projek berasaskan pelancongan dan kebudayaan di negeri Melaka yang melibatkan Projek Pondok Menanti Kampung Morten bagi Culture and Heritage Guided Walk (RM10 ribu) di Kampung Morten; dan Projek Pemuliharaan dan Ubah Suai Bangunan Lama Hong Kong dan Shanghai Bank Sebagai Galeri Warisan Kota Melaka (RM10 juta) di Banda Hilir. Projek Pondok Menanti Kampung Morten bagi Culture and Heritage Guided Walk ini telah pun beroperasi manakala Projek Pemuliharaan dan Ubah Suai Bangunan Lama Hong Kong dan Shanghai Bank Sebagai Galeri Warisan Kota Melaka pula dijangka dapat diselesaikan pada penghujung tahun 2019.

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian ketika ini masih belum menerima sebarang permohonan berkaitan projek baharu untuk dilaksanakan di bawah Rancangan Malaysia Kedua Belas di negeri Melaka memandangkan tempoh permohonan hanya akan dibuka pada awal bulan Januari tahun 2020.

Kementerian dalam hal ini sentiasa bekerjasama rapat dengan Unit Perancang Ekonomi Negeri Melaka dalam mempertimbangkan sebarang cadangan menaiktaraf atau membangunkan lokasi berunsurkan pelancongan dan kebudayaan di seluruh negeri Melaka sekiranya berpotensi bagi memastikan produk pelancongan serta aktiviti kebudayaan di negeri tersebut dapat dibangunkan dengan memberi faedah kepada masyarakat tempatan khususnya dan ekonomi negara secara keseluruhannya.

Sekian, terima kasih.

LAMPIRAN A

**SENARAI PROJEK PEMBANGUNAN PELANCONGAN DAN
KEBUDAYAAN DI NEGERI MELAKA YANG DISIAPKAN
DI BAWAH RANCANGAN MALAYSIA KESEPULUH**

| BIL | NAMA PROJEK | KOS PROJEK (RM) | LOKASI |
|------------|--|------------------------|----------------|
| 1. | Pembangunan Landskap dan Kemudahan Pelancongan di Taman Botanikal (Fasa 2) | 29,959,000.00 | Ayer Keroh |
| 2. | Cadangan Membina dan Menyiapkan Kemudahan Rekreasi di Persimpangan Ayer Keroh, Hang Tuah Jaya, Melaka | 4,000,000.00 | Ayer Keroh |
| 3. | Menaik Taraf Landskap di Kompleks Kraf Melaka | 48,000.00 | Ayer Keroh |
| 4. | Menaiktaraf Pintu Gerbang Ayer Keroh, Hang Tuah Jaya, Melaka | 167,700.00 | Ayer Keroh |
| 5. | Pembangunan Kemudahan Pelancongan di Tasik Chin Chin, Jasin | 25,000,000.00 | Jasin |
| 6. | Mengecat Bangunan Muzium Pertanian, Jasin Melaka | 20,000.00 | Jasin |
| 7. | Pembangunan Kemudahan Pelancongan di Air Panas Cerana Putih, Melaka | 1,510,000.00 | Alor Gajah |
| 8. | Cadangan Menaiktaraf Kemudahan Pelancongan di Sungai Melaka (Mural) di Bangunan-Bangunan Lama di Jambatan Pasar Sehingga Jambatan Chan Koon Cheng di | 500,000.00 | Kota Laksamana |

NO. SOALAN : 47

| | | | |
|-----|---|--------------|----------------|
| | Bandaraya Melaka, Kota Laksamana, Melaka | | |
| 9. | Cadangan Menaiktaraf Kawasan Little India di Jalan Temenggong, Bandar Hilir, Melaka | 2,000,000.00 | Bandar Hilir |
| 10. | Cadangan Menaiktaraf Tandas di Jeti Umbai, Serkam | 20,000.00 | Serkam |
| 11. | Cadangan Menaiktaraf Tandas di Medan Selera Serkam, Serkam | 20,000.00 | Serkam |
| 12. | Cadangan Menaiktaraf Tandas Medan Selera Serkam I, Serkam | 20,000.00 | Serkam |
| 13. | Cadangan Menaiktaraf Tandas Medan Selera Serkam II, Serkam | 20,000.00 | Serkam |
| 14. | Cadangan Menaiktaraf Tandas-tandas Awam di Negeri Melaka (Tandas Awam Perkampungan Ikan Bakar Terapung) | 20,000.00 | Serkam |
| 15. | Menaiktaraf Sistem Pencahayaan di Taman Seribu Bunga, Ayer Keroh, Hang Tuah Jaya Melaka | 3,000,000.00 | Hang Tuah Jaya |
| 16. | Membaikpulih Kapal Selam Ouessant di Klebang, Melaka | 369,740.00 | Klebang |
| 17. | Penyediaan Kemudahan di Kawasan Pelancongan Klebang di Pantai Berlian, Dataran 1Malaysia, Melaka | 1,950,000.00 | Klebang |
| 18. | Cadangan Menaiktaraf Gerbang Selatan / Laman Belia di Sungai Rambai, Melaka | 350,000.00 | Sungai Rambai |

NO. SOALAN : 47

| | | | |
|---------------------------|--|-----------------------|------------------|
| 19. | Cadangan Membina Mercu Tanda di Jalan Sungai Lama Sungai Rambai, Melaka | 79,200.00 | Sungai Rambai |
| 20. | Cadangan Membina 'Boardwalk' dan Jeti di Persisiran Sungai Kesang, Sungai Rambai, Melaka | 368,180.00 | Sungai Rambai |
| 21. | Kerja-Kerja Membina Papan Tanda di Hang Tuah Centre, Melaka | 10,000.00 | Duyong |
| 22. | Pembangunan Perkampungan Hang Tuah dan Persisiran Sungai Duyong | 35,000,000.00 | Duyong |
| 23. | Membaik Pulih dan Mengecat Tapak Warisan Makam Hang Tuah | 10,000.00 | Duyong |
| 24. | Membaik Pulih dan Menaik Taraf Papan Penerangan Tapak Warisan Makam Hang Tuah, Melaka | 20,000.00 | Duyong |
| 25. | Pembinaan Monorel di Persisiran Sungai Melaka (Fasa 2) | 13,200,000.00 | Bandaraya Melaka |
| 26. | Kerja-Kerja Membina Papan Penerangan di Tapak Warisan | 30,000.00 | Bandaraya Melaka |
| 27. | Kerja-Kerja Penambah Baikkan Pencahayaan Sepanjang Sungai Melaka | 464,850.00 | Bandaraya Melaka |
| 28. | Naik Taraf Muzium Seni Bina Malaysia, Melaka - Jabatan Muzium Malaysia | 980,000.00 | Bandaraya Melaka |
| JUMLAH KESELURUHAN | | 119,136,670.00 | |